

Jangan Laju!



الرَّكِبُ : لَا تُسْرِعْ...! فَأَنَا لِأَوَّلِ مَرَّةٍ أَرْكَبُ سَيَّارَةً..

السَّائِقُ : لَا تَخَفْ يَا سَيِّدِي، وَأَنَا أَيْضًا لِأَوَّلِ مَرَّةٍ أَسُوقُ سَيَّارَةً..

Terjemahan:

Penumpang : Jangan laju-laju! Saya ni kali pertama naik kereta...


Pemandu : Jangan takut encik! Saya pun kali pertama pandu kereta...

Makna Perkataan

Melayu	Arab	No.
kali pertama	أَوَّلُ مَرَّةٍ	(1)
saya naik	أَرْكَبُ	(2)
kereta	سَيَّارَةٌ	(3)
pun / juga	أَيْضًا	(4)
saya pandu	أَسُوقُ	(5)

Kaedah Bahasa Arab

Perkataan yang bertanda merah di bawah adalah dalam *kumpulan huruf* (حَرْفٌ).



Topik ni akan dihuraikan dengan lebih mendalam pada sesi berikutnya.

PERHATIAN:

Memahami topik “*Kumpulan Huruf Bahasa Arab*” amat penting dalam memahami makna sesuatu perkataan.

Sekiranya anda mencari perkataan dalam kamus bahasa Arab untuk di bawah, anda tidak akan berjumpa:

لِأَوَّلِ

Ini adalah kerana perkataan di atas adalah gabungan 2 perkataan iaitu:

لِأَوَّلِ = لِ + أَوَّلِ

Topik ni akan dihuraikan dengan lebih mendalam pada sesi berikutnya.

Jom kita belajar cara buat ayat pulak!

Dialog Harian

Berdasarkan dialog ringkas di bawah, kita dapat belajar beberapa ayat yang boleh digunakan dalam perbualan seharian ATAU semasa mengerjakan UMRAH /HAJI.

الرَّكِبُ : لَا تُسْرِعْ...! فَأَنَا لِأَوَّلِ مَرَّةٍ أَرْكَبُ سَيَّارَةً..

السَّائِقُ : لَا تَخَفْ يَا سَيِّدِي، وَأَنَا أَيْضًا لِأَوَّلِ مَرَّةٍ أَسُوقُ سَيَّارَةً..

Terjemahan:

Penumpang : Jangan laju-laju! Saya ni kali pertama naik kereta...

Pemandu : Jangan takut encik! Saya pun kali pertama pandu kereta...

Pembelajaran Dialog

Jangan laju-laju!	لَا تُسْرِعْ
<u>Ni</u> adalah kali pertama.	هَذِهِ <u>أَوَّلُ</u> مَرَّةٍ
Jangan takut	لَا تَخَفْ
Aku pun	أَنَا أَيْضًا